

# Kerja secara peringkat disokong

## Cuepacs minta JPA kaji kaedah mudahkan kakitangan awam

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Cuepacs meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuat kajian lebih mendalam berhubung pelaksanaan masa kerja berperingkat yang akan bermula Jun ini.

Presidennya, Omar Osman, berkata kajian menyeluruh perlu dilakukan untuk mengelak masalah atau menyukarkan kakitangan awam yang terpaksa keluar lebih awal ke tempat kerja.

“Secara dasarnya kita menyambut baik langkah itu demi kebaikan pelanggan. Bagaimanapun, jika cara pelaksanaannya menyusahkan kakitangan awam, kita tidak bersetuju,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin sebuah akhbar melaporkan semua pejabat kerajaan akan dibuka setengah jam awal dan ditutup 30 minit lewat bermula Jun ini.

Bagaimanapun, kakitangan awam tidak perlu bekerja lebih masa kerana tiga jadual kerja sehari akan diperkenalkan iaitu jam 7.30 pagi hingga 4.30 petang; 8 pagi hingga 5 petang dan jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

Ini bermakna pejabat kerajaan akan dibuka bermula 7.30 pagi sehingga 5.30 petang.

Ketua Unit Komunikasi Korporat JPA, Hasniah Rashid, berkata keputusan yang akan dilakukan di seluruh negara itu diambil selepas mendapati jadual kerja berperingkat menyumbang kepada peningkatan produktiviti di kalangan kakitangan awam.

Omar berkata, Cuepacs mahu JPA melihat kemungkinan bukannya semua jabatan atau bahagian perlu melaksanakan waktu kerja berperingkat itu.

“Jika jabatan atau bahagian tidak membabitkan pelanggan iaitu pihak kedua atau ketiga tidak perlulah,” katanya yang turut kesal kerana JPA tidak memaklumkan kepada Cuepacs butiran cadangan itu, sedangkan pihaknya menerima panggilan bertalu-talu ahli yang mahu mendapatkan maklumat mengenainya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan, berkata langkah itu jika dilaksanakan dengan betul sememangnya memberi masa lebih panjang kepada rakyat berurusan dengan pejabat kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan pengalaman, walaupun ada waktu pejabat jabatan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pejabat Tanah bermula awal, pelanggan tetap perlu menunggu masa ditetapkan bagi membuat pembayaran.

Katanya, lebih teruk ada jabatan seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menetapkan kuota nombor giliran.

“Jadi apa yang penting bukan tempoh pejabat dibuka tetapi berapa lama masa disediakan kepada pelanggan untuk mereka membuat semua urusan mereka.

“Tidak guna membuka pejabat awal jika pelanggan yang datang jam 7.30 pagi, tetapi terpaksa menunggu hingga jam 8.30 pagi baru boleh membuat urusan,” katanya.